

24 JANUARI 2018

## Lima lelaki leka proses, bungkus air ketum ditahan



MOHD. ALI (tengah) menunjukkan air ketum yang dirampas daripada lima lelaki pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Daerah Ipoh semalam.

## Lima lelaki leka proses, bungkus air ketum ditahan

**IPOH** – Kelekaan lima lelaki sedang memasak serta membungkus air ketum terbantut apabila kesemua mereka ditahan di sebuah rumah di Taman Pakatan Jaya di sini malam kelmarin.

Dalam serbuan pukul 11 malam itu, polis yang menerima maklumat daripada orang awam mengenai kegiatan jenayah tersebut telah menyerbu rumah teres dua tingkat terbaik.

Ketua Polis Daerah Ipoh, Asisten Komisioner Mohd. Ali Tamby berkata, ketika serbuan dilakukan, tiga lelaki yang berada di ruang tamu tingkat bawah rumah itu sedang membungkus cecair disyaki air ketum manakala dua lagi berada di dapur sedang memproses cecair yang sama.

“Hasil pemeriksaan di ruang tamu rumah itu menemui empat bakul berisi bungku-

san plastik disyaki air ketum manakala empat lagi bakul mengandungi daun ketum.

“Kelima-lima lelaki yang berusia 25 hingga 55 tahun itu ditahan bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 30(3) Akta Racun 1952,” katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Menurut Mohd. Ali, polis merampas sebanyak 440 bungkus air ketum serta empat bakul berisi daun ketum seberat 30 kilogram yang dianggaran bernilai RM2,000.

“Polis juga merampas alat penimbang, dua periuk besar, dua dapur gas, dua tong gas dan kaki tungku dapur yang digunakan mereka untuk memproses air ketum.

“Polis percaya kumpulan ini giat menjalankan aktiviti haram itu sejak beberapa bulan lalu dan kami sedang mengesan dalam utamanya,” ujar beliau.